

UM(13-4-07 - Jumaat)

## UMP catat sejarah gondol enam pingat

Timur 26/26

KUANTAN 12 April - Universiti Malaysia Pahang (UMP) melakar sejarah apabila penyertaan kali ketiga di Pertandingan Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2007 yang berlangsung di ibu negara pada 29 hingga 31 Mac lalu berjaya menggondol satu pingat emas, tiga perak dan dua gangsa.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela berkata, pertandingan yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu sekali gus telah meletakkan UMP sebagai sebuah universiti yang mencatat kemenangan 100 peratus apabila kesemua enam projek yang di-hantar berjaya menangi pingat.

"Apa yang lebih membanggakan ialah kita juga berjaya meraih tempat ketiga untuk kategori Gerai Pameran Terbaik di mana lebih daripada 400 projek penyelidikan telah dipertandingkan dalam ekspo kali ini," katanya kepada pemberita, di sini hari ini.

### Menyaingi

Menurutnya, kejayaan itu amat bermakna kepada UMP, lebih-lebih lagi dalam usia yang masih setahun jagung, universiti tersebut telah berjaya menyaingi institusi pengajian tinggi awam lain yang telah lama ditubuhkan.

Jelas beliau, sebagai sebuah universiti yang muda, kejayaan dan pencapaian tersebut merupakan satu petanda baik yang menunjukkan UMP berada di landasan betul untuk menjadi universiti bertaraf dunia pada masa akan datang.

"Strategi kita yang memberi penekanan kepada bidang fokus, hubungan dengan industri dan berpotensi untuk dikomersialkan, menjadikan penyelidikan UMP relevan dengan zaman dan keperluan pihak industri," ujarnya.

Katanya lagi, kecemerlangan sesebuah universiti tidak hanya diukur melalui pengajaran serta pembelajaran staf akademiknya, tetapi ia turut dinilai dari segi kepakaran dan reputasi mereka dalam menjalankan penyelidikan.

Tambah Dr. Mohamed Said, sebagai sebuah universiti yang berteraskan kejuruteraan dan teknologi, UMP berperanan membantu negara menggerakkan perkembangan sains dan teknologi bagi mencapai Wawasan 2020.

### Penyelidikan

Mengulas mengenai penyelidikan yang berjaya menggondol anugerah di MTE, beliau memberitahu, UMP berbangga apabila memenangi pingat emas untuk projek penyelidikan yang bertajuk *Peralatan Bagi Mengukur dan Menyediakan Alat Pemuliharaan Untuk Kajian Kemahiran Orientasi Di Kalangan Mahasiswa*.

Menurut beliau, kaji selidik itu dijayakan oleh Fakulti Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, manakala pingat perak pula dimenangi oleh Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli menerusi penyelidikan Penghasilan Biodiesel Daripada Minyak Maksud Terpakai.